

Selangor catat kes demam denggi tertinggi di Malaysia paling berisiko

Kosmo
2/9/16
mls 3

Bimbang virus Zika merebak

Oleh SUHANA MD. YUSOP

SHAH ALAM – Kerajaan Selangor melahirkan kebimbangan serangan virus Zika yang dibawa oleh nyamuk aedes mungkin boleh merebak memandangkan negeri itu mencatatkan kes demam denggi yang tertinggi di negara ini sejak beberapa tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan negeri, Dr. Daroyah Alwi berkata, sebanyak 800 hingga 900 kes demam denggi dicatatkan di negeri itu dalam seminggu dan angka tersebut membimbangkan.

Sehubungan itu beliau telah meminta semua pihak berkuasa tempatan (PBT) memastikan setiap kawasan perumahan, industri dan premis perniagaan di negeri itu sentiasa bersih dan tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

“Saya nasihatkan orang ramai yang tinggal di sekitar kawasan perumahan sentiasa memastikan diri tidak digigit nyamuk selain giat menghapuskan tempat pembiakan nyamuk.

“Mereka yang mengalami demam, ruam, sakit otot dan sakit kepala supaya segera mendapatkan rawatan dan nasihat doktor di klinik berhampiran,” katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Beliau diminta mengulas kebimbangan masyarakat ketika ini tentang bahaya serangan virus Zika di negeri itu apabila seorang wanita berusia 58 tahun berasal dari Klang telah diserang virus berkenaan selepas pulang dari Singapura baru-baru ini.

Daroyah menjelaskan, dari segi kawalan, pihaknya telah melakukan tindakan pada



KAWASAN perumahan yang dipenuhi sampah dan air bertakung menyumbang kepada pembiakan nyamuk aedes. – Gambar hiasan

tahap maksimum tetapi sikap masyarakat yang tidak mementingkan kebersihan menjadi salah satu cabaran dalam memastikan kes demam denggi dapat dikurangkan.

“Masyarakat seolah-olah tidak peka dengan demam denggi ini,” ujarnya.

Beliau berkata, pihaknya telah mengarahkan Pejabat Kesihatan Daerah Klang dan Majlis Perbandaran Klang untuk melaksanakan aktiviti kawalan dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes di rumah mangsa dan kawasan sekitarnya.

“Semburan kabut juga dilakukan di kawasan tersebut kerana langkah pencegahan

dan kawalan terhadap virus Zika adalah sama seperti mana virus denggi berikutan kedua-dua penyakit itu dibawa oleh nyamuk aedes,” ujarnya.

Beliau turut menasihatkan kanak-kanak supaya mengurangkan kegiatan di luar rumah pada waktu senja dan awal pagi sekurangnya dalam tempoh seminggu.

Katanya, waktu berkenaan merupakan masa nyamuk aedes paling aktif dan dikawatiri ada membawa bersama virus Zika ataupun denggi.

INFO Kes demam denggi di Malaysia dari 14 hingga 20 Ogos 2016

Bil Negeri	Kes	Mati
1. Selangor	1,052	3
2. Kelantan	297	0
3. W. Persekutuan Kuala Lumpur /Putrajaya	254	1
4. Johor	161	1
5. Pahang	75	0
6. Sabah	69	0
7. Perak	67	1
8. Melaka	54	0
9. N. Sembilan	41	0
10. Sarawak	33	1
11. Terengganu	32	1
12. Pulau Pinang	29	1
13. Kedah	24	0
14. Perlis	2	0
15. W.P Labuan	0	0
Jumlah	2,190	9

Jumlah terkumpul kes denggi dari 1 Januari – 20 Ogos 2016 = 71,590

Jumlah kes kematian dari 1 Januari – 20 Ogos 2016 = 162

Sumber: Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan